

73

NO SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,
PENGKAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 02.11.17 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan hubungan Malaysia dengan Qatar setelah beberapa Negara Arab memutuskan hubungan dengan Qatar dan peranan Malaysia untuk membantu memulihkan hubungan Qatar dengan Negara-negara Arab berkaitan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hubungan Malaysia-Qatar bukanlah satu hubungan yang baru tetapi ianya telah terjalin sejak sekian lama. Hubungan ini lebih kepada hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala diantara kedua-dua buah negara yang telah terjalin selama 43 tahun.

Lawatan Negara Yang Mulia Emir Qatar Sheikh Tamim bin Hamad Al-Thani ke Malaysia pada 15 dan 16 Oktober 2017 antara lain adalah untuk terus memperkukuhkan hubungan ini khususnya dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Lawatan ini telah memberikan kesan yang amat positif kepada hubungan ekonomi dan perdagangan diantara Malaysia dan Qatar.

Sepertimana yang telah ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri, sebagai sebuah negara, kita berdiri di atas prinsip kerjasama dengan semua negara dan juga kerjasama dalam konteks hubungan dengan dunia Islam. Kita mengamalkan prinsip Wasatiyyah dan kita juga

mahu pertikaian sesama negara Islam dicari penyelesaian sebaik-baiknya tanpa kita campur tangan dalam urusan mana-mana negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Buat masa ini, konflik antara Qatar dengan negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Mesir, Bahrain dan UAE tidak menggugat hubungan diplomatik yang telah terjalin diantara negara-negara tersebut dengan Malaysia.

Kerajaan sentiasa mengharapkan penyelesaian segera dan juga menyokong sebarang usaha damai bagi menyelesaikan konflik dalaman negara-negara Teluk serta menggesa agar pihak-pihak yang terlibat meredakan ketegangan dan bekerjasama dalam mencapai keamanan serantau.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia tidak menerima sebarang reaksi yang negatif daripada negara-negara Kuartet Arab iaitu Arab Saudi, UAE, Bahrain dan Mesir. Pada masa yang sama, Kedutaan Besar Malaysia

di negara-negara tersebut juga telah melaporkan bahawa tiada pelaporan negatif yang dibuat oleh pihak media di negara-negara tersebut berhubung dengan lawatan Emir Qatar ke Malaysia ini.

Justeru itu, Malaysia akan sentiasa mengambil pendekatan yang konsisten dalam menjalinkan hubungan baik dengan semua negara-negara yang terlibat.

77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017

SOALAN : 33

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah status projek membazir dana rakyat seperti Marina Jabatan Laut Malaysia Pulau Mentagor, Jeti Sungai Pinang Kecil Pulau Pangkor dan Lapangan Terbang Pulau Pangkor yang gagal dimanfaatkan dengan sebaiknya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2012, Kerajaan telah memutuskan supaya marina-marina di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia diswastakan secara *free-based operation* iaitu pihak swasta bebas menjalankan apa sahaja aktiviti di tapak marina tersebut berdasarkan kepada terma-terma dan syarat yang ditetapkan oleh agensi Kerajaan. Kaedah ini dilihat dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan untuk menyelenggara dan memastikan aset berkenaan dapat digunakan secara optimum.

Dalam hubungan ini, Marina Pulau Mentagor, Perak telah dipajakkan kepada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dengan kadar pajakan permulaan sebanyak RM160,000.00 setahun. Oleh demikian, sebarang kemajuan pembangunan dan operasi marina tersebut adalah di bawah kawal selia Majlis Perbandaran Manjung.

Jeti Sungai Pinang Kecil pula telah dinaiktaraf oleh Jabatan Laut Malaysia pada tahun 2004 dengan kos keseluruhan sebanyak RM3.7 juta bagi kegunaan penduduk setempat menjalankan aktiviti harian serta menempatkan bot-bot kecil. Walau bagaimanapun, selaras dengan perubahan dan keperluan semasa, jeti tersebut telah digunakan untuk tujuan pendaratan ikan. Pada masa ini jeti berkenaan adalah di bawah pengawalseliaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

79

Berhubung Padang Terbang Pulau Pangkor (PTPP) yang mula beroperasi sejak tahun 1994 telah mengendalikan sebanyak 124,242 orang penumpang sehingga kini. Berjaya Air telah menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi membawa pelancong ke Pulau Pangkor. Walau bagaimanapun, berdasarkan penurunan bilangan pelancong ke Pulau Pangkor, Berjaya Air telah menggantung operasi penerbangan berjadualnya ke Pulau Pangkor mulai 5 Februari 2014.

Buat masa ini, PTPP menyediakan perkhidmatan penerbangan persendirian di mana bagi tempoh 2014 hingga September 2017, terdapat 416 orang penumpang menggunakan PTPP dan sebanyak 270 pergerakan pesawat dalam tempoh yang sama.